

Pelajar PhD, sarjana kembali teruskan penyelidikan tertanggung



Pelajar pascasiswazah perlu berdisiplin patuhi SOP yang ditetapkan universiti ketika menjalankan penyelidikan. (Foto hiasan)

Universiti sediakan SOP bolehkan penuntut guna makmal, peralatan

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keputusan kerajaan membenarkan pelajar pascasiswazah program sarjana dan doktor falsafah (PhD) mod penyelidikan untuk memulakan aktiviti akademik dengan segera memberikan kelegaan kepada mahasiswa kerana dapat menyambung kembali penyelidikan yang tergendala sebelum ini berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kebanyakan pelajar pascasiswazah mod penyelidikan terutama di universiti penyelidikan (RU) berpendapat pematuan prosedur operasi standard (SOP) ketika mengendalikan penyelidikan di makmal dan bilangan pelajar yang tidak ramai boleh membantu mengurangkan risiko jangkitan COVID-19.

Pelajar jurusan Sarjana Sains Pengembangan Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Nurul Athira Mohd Affandi, berkata pelajar pascasiswazah mod penyelidikan yang

memenuhi kriteria sahaja boleh dibenarkan untuk kembali ke kampus dan memulakan aktiviti akademik.

Katanya, pihak universiti juga menyediakan SOP yang lengkap bagi memberi laluan kepada pelajar sarjana dan PhD yang terbabit dengan penggunaan makmal dan peralatan di universiti.

"Selain itu, seperti yang kita sedia maklum, kajian yang membabitkan mod penyelidikan ini mempunyai garis masa atau *timeline* tertentu bagi sesuatu kajian yang dibuat dan jika tiada langkah sewajarnya diambil bagi membolehkan pelajar meneruskan pengajian, ia akan memberi kesan kepada hasil kajian yang dibuat."

"Tidak dinafikan, selepas

tertanggung kerana PKP sebelum ini, sudah tentunya ada cabaran yang perlu dihadapi untuk kembali memulakan penyelidikan termasuklah kemungkinan ada pelajar yang terpaksa menyediakan bahan yang baharu disebabkan bahan yang disediakan sebelum ini sudah rosak atau tidak dapat digunakan lagi, selain keadaan di makmal juga mungkin agak berbeza apabila pelajar perlu bekerja atau menjalankan penyelidikan dengan mengamalkan norma baharu," katanya.

Pada 17 Mei lalu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pelajar pascasiswazah mod penyelidikan dibenarkan untuk kembali ke kampus untuk memulakan aktiviti akademik dengan segera selepas perkara itu diluluskan

hasil Mesyuarat Khas Menteri-menteri Mengenai Pelaksanaan PKP.

Kebenaran itu membabitkan 31,503 pelajar di 462 institusi pengajian tinggi (IPT) yang perlu melakukan penyelidikan secara fizikal di makmal, bengkel dan studio reka bentuk kerana memerlukan peralatan khusus.

Sementara itu, pelajar PhD Kejuruteraan Kimia UPM, Siti Nur Atikah Mahamud pula berpendapat kebenaran itu tidak akan menjadi masalah sekiranya mahasiswa mematuhi SOP yang ditetapkan dan mengamalkan norma baharu sepanjang berada di kampus atau makmal penyelidikan.

"Jumlah pelajar yang membuat kerja makmal dalam satu masa tidaklah ramai seperti satu bilik darjah di sekolah. Rata-rata tidak melebihi 10 pelajar dalam satu makmal malah ruang bekerja masing-masing juga memang sudah mempunyai jarak, jadi penjarakan sosial bukan satu masalah."

"Pada masa sama, pihak universiti juga perlu merekod kehadiran pelajar setiap hari supaya dapat mengesan kontak rapat sekiranya ada ahli makmal yang positif COVID-19, menghadkan pergerakan di bangunan akademik dan pentadbiran kepada pelajar pascasiswazah sahaja dan membenarkan pelajar yang perlu menyambung kerja makmal sahaja berada dalam kawasan fakulti," katanya.

Pelajar PhD dalam bidang penyelidikan Kimia di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tan Yong Chee turut sependapat bahawa bilangan pelajar pascasiswazah yang perlu menjalankan penyelidikan di makmal dalam satu masa adalah kecil, sekali gus tidak mendatangkan masalah dalam aspek penjarakan sosial.

"Saya sarankan pihak universiti mengkuarantin pelajar

dari kampung yang akan kembali ke kampus selama 14 hari dan menjalankan pemeriksaan kesihatan yang asas seperti memeriksa suhu badan dan memakai *hand sanitizer* sebelum masuk ke makmal."

"Tidak dinafikan banyak penyelidikan tertanggung kerana PKP termasuklah saya terpaksa memulakan kembali kajian mengenai bakteria dan sel yang dibuat sebelum ini tetapi keselamatan dan kesihatan diri lebih penting, jadi sekiranya perlu membuat kajian itu sekali lagi, ia bukan satu masalah kepada saya," katanya.

Pelajar Sarjana Optometri (Penyelidikan), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Selangor, Kampus Puncak Alam, Syazwan Hafiz Mohd, berkata keputusan kerajaan itu memberikan kebaikan kepada pelajar kerana dapat kembali meneruskan penyelidikan yang tertanggung sebelum ini, tetapi pada masa sama tetap menimbulkan kegusaran mengenai bagaimana SOP yang ditetapkan kerajaan mampu dipraktikkan oleh pelajar dalam melaksanakan penyelidikan terutamanya yang membabitkan subjek uji kaji manusia.

"Contohnya, jika protokol penyelidikan membabitkan subjek manusia dan memerlukan penyelidikan menyentuh subjek mereka, justeru itu, situasi seperti ini saya kira perlu dipertimbangkan semula atau mungkin memerlukan perbincangan yang lanjut dengan semua kumpulan kerja penyelidikan masing-masing."

"Saya berharap rakan pelajar yang akan kembali menjalankan penyelidikan masing-masing supaya berdisiplin terhadap segala garis panduan yang diberikan oleh universiti masing-masing, jika mempunyai simptom yang meragukan, segera mendapatkan rawatan dan amalkan jarak sosial yang diarahkan serta kerap membasuh tangan," katanya.



Nurul Athira Mohd Affandi



Siti Nur Atikah Mahamud



Tan Yong Chee



Syazwan Hafiz Mohd